



Nestlé Good food, Good life

Siaran Akhbar

Petaling Jaya, 5 Februari 2024

Program Kembali Ke Sekolah anjuran Nestlé Perluas Sokongan Kepada 2,600 Pelajar Memerlukan Di Seluruh Negara

Memanfaatkan hampir 10,000 pelajar sejak program dimulakan

PETALING JAYA, 5 Februari 2024 – Nestlé Malaysia mengukuhkan komitmennya untuk membawa kesan positif kepada kehidupan rakyat Malaysia yang memerlukan. Menerusi inisiatif Kembali ke Sekolah tahunannya, syarikat kali ini akan membantu seramai 2,600 murid sekolah rendah yang kurang berkemampuan di seluruh negara pada musim persekolahan akan datang sambil mereka bersiap sedia untuk memulakan tahun akademik 2024.

Seramai 50 Sukarelawan Nestlé Cares dan Empire Project telah bersama-sama menyediakan 2,600 pek barangan kelengkapan sekolah bernilai RM800,000 seperti beg, pakaian seragam, kasut, sarung kaki dan alat tulis. Inisiatif ini memanfaatkan kanak-kanak daripada masyarakat memerlukan termasuk anak yatim, anak ibu bapa tunggal dan banduan, kanak-kanak berkeperluan khas dan beberapa masyarakat Orang Asli serta pelajar Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Di samping itu, sebagai sebahagian daripada inisiatif ini, sebanyak 1,500 isi rumah juga menerima beg hadiah Nestlé yang mengandungi produk berkhasiat seperti Nestlé EVERYDAY, NESTUM, MILO Activ-Go dan banyak lagi.

Meluaskan inisiatif ke Malaysia Timur, sebanyak 10 sekolah di Sabah dan Sarawak juga menerima peralatan sukan yang boleh dimanfaatkan oleh 500 pelajar untuk menggalakkan aktiviti fizikal dan sukan. Tambahan lagi, Nestlé Malaysia berganding bahu dengan Jabatan Penjara Pusat Kota Kinabalu untuk membekalkan beg sekolah bersama

produk makanan dan minuman kepada hampir 200 anak-anak banduan dan komuniti B40 sekitar di Sabah.

En. Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé (Malaysia) Berhad mengulas, "Kami mempunyai tanggungjawab sosial untuk menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan. Inisiatif Kembali Ke Sekolah Nestlé Cares sejajar dengan matlamat kami untuk membuka peluang bagi belia dan dalam tempoh lebih sedekad lepas, hampir 10,000 pelajar Malaysia telah menerima bantuan menerusi program ini. Pada tahun ini, kami teruja untuk meluaskan capaian kepada lebih ramai pelajar di seluruh negara, dan kami ingin terus membawa kesan positif kepada lebih ramai kanak-kanak pada masa depan."

Inisiatif Kembali Ke Sekolah Nestlé Cares adalah salah satu daripada pelbagai cara bagaimana Nestlé membawa impak yang bermakna dalam kehidupan ramai rakyat Malaysia, sambil menyemai semangat sukarelawan dalam kalangan kakitangan. Baru-baru ini, Syarikat juga membantu dalam usaha meringankan beban mangsa banjir menerusi kerjasama dengan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia untuk membekalkan keperluan asas kepada kumpulan penduduk yang terjejas.

Nestlé melaksanakan pelbagai program pengayaan masyarakat, termasuk menyokong komuniti peladang dan usahawan tempatan, menyediakan pendidikan pemakanan untuk masyarakat setempat, dan menerajui program kelestarian alam sekitar, di samping inisiatif lain untuk membina masa depan yang lebih cerah. Secara keseluruhan, Nestlé Malaysia menyumbang RM13 juta untuk inisiatif sokongan kemasyarakatan pada 2023, meneruskan usaha yang dilaksanakannya pada tahun-tahun lepas.

###

Mengenai Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara di seluruh dunia, dan seramai lebih 270,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, yang berusaha memanfaatkan kelebihan makanan untuk meningkatkan kualiti kehidupan untuk semua insan, masa kini dan untuk generasi masa depan. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan

Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami.

Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari www.nestle.com.my atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Shaheen Zaffar

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: (+603) 7965 6456

Bimbit: +6012-235 6865

E-mel: shaheen.mohamedzaffar@my.nestle.com

Shahida Irawan atau Yasmin Kadir

acorn communications

Tel: (+603) 7958 8348

Bimbit: +6019 688 7204 (Shahida) atau
+6017-237 9048 (Yasmin)

E-mel: acorncommunications@acornco.com.my